

# Sistem penarafan IPTA akan dilaksanakan

U.M. 27/06/08 MSB

KUALA LUMPUR 26 Jun – Sistem penarafan akan dilaksana di institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) bagi membolehkan kualiti dan daya saing IPTA diukur.

Bagi melaksanakan matlamat itu, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) akan diperkukuh dalam usaha memperkemas pelaksanaan Kerangka Kelayakan Malaysia dan jaminan kualiti IPTA.

Selain itu, kelulusan penubuhan institusi pendidikan tinggi swasta yang baru hanya diberi kepada institusi yang akan menawarkan kursus yang dapat memenuhi keperluan pasaran, di samping aktiviti pengauditan akan dilakukan secara kerap.

Sementara itu, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 hingga 2010 telah menyediakan rangka kerja bagi meningkatkan lagi kualiti dan akses kepada pendidikan.

Namun jurang pencapaian akademik masih wujud antara pelajar sekolah luar bandar dan sekolah bandar utama, terutama bagi mata pelajaran

matematik dan bahasa Inggeris.

Masalah ini dapat diatasi dengan penyediaan insentif dan pelaksanaan latihan khusus kepada guru untuk meningkatkan bilangan para pendidik untuk berkhidmat di sekolah luar bandar.

Selain itu, penyediaan bekalan elektrik di sekolah luar bandar dan projek pengkomputeran akan dipertingkatkan bagi mewujudkan suasana pembelajaran dan pengajaran yang lebih kondusif.

Masalah kecikiran pelajar dan untuk memastikan pelajar kekal dalam sistem persekolahan, pengambilan pelajar dalam aliran vokasional dan kemahiran akan ditambah.

Pendidikan pra sekolah juga ditekankan dengan program pembangunan awal kanak-kanak yang berumur empat tahun dan ke bawah (PERMATA) akan diperluas selepas kajian impak ke atas 15 projek perintis PERMATA dilaksana.

Fokus bagi pendidikan tinggi, kemasukan pelajar di institusi pendidikan tinggi (IPT) awam akan me-


ningkat terutama dengan siapnya pembinaan tiga universiti baru, iaitu Universiti Darul Iman Malaysia, Universiti Malaysia Kelantan dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia serta pembinaan kampus cawangan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan perluasan program francais UiTM.

Kemasukan pelajar ke IPT dijangka akan meningkat daripada 829,831 pada tahun 2007 kepada 1,349,978 pada tahun 2010, daripada jumlah tersebut 35 peratus di peringkat diploma dan 33 peratus di peringkat ijazah pertama

Mengenai pelaksanaan Skim Latihan Akademik bagi IPTA, ia akan dipergiat dan strategi baru akan digubal bagi mencapai sasaran 60 peratus kakitangan akademik berkelayakan PhD menjelang 2010.

Seramai 3,700 kakitangan akademik akan ditawarkan biasiswa untuk melanjutkan pengajian di peringkat PhD di bawah program ini dan 70 peratus daripadanya dalam bidang sains dan teknologi.

Guna Tenaga mengikut Kumpulan Pekerjaan Utama, 2005-2010 ('000 orang)



Nota: \* Anggaran